

# Usul 18 tahun berhak undi ke Parlimen

Pendaftaran secara automatik turut dibahaskan: Dr Mahathir

Oleh Wan Faizal Ismayatim dan Irwan Shafrizan Ismail  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Putrajaya:** Kerajaan bersetuju generasi muda berumur 18 tahun berhak mengundi dan akan daftar sebagai pemilih secara automatik.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata pendaftaran secara automatik itu akan disekalikan dengan usul penurunan had umur layak mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun bagi pindaan Perlembagaan di Parlimen.

"Kita bersetuju supaya anak muda berumur 18 tahun berhak mengundi dan mereka akan daftar secara automatik," katanya pada sidang media selepas mempergerusikan mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) di sini, semalam.

Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman yang memperjelaskan lebih lanjut perkara itu, berkata Perdana Menteri akan mempergerusikan mesyua-


rat bersama pemimpin parti dalam isu memperkasa belia di Parlimen, esok.

"Beberapa isu teknikal akan dibincangkan (dalam mesyuarat), termasuk tiga perkara bagi pindaan Perlembagaan, iaitu had umur layak mengundi, pendaftaran pemilih secara automatik dan mengurangkan umur calon bertanding (pilihan raya) kepada 18 tahun.

"Kita juga sudah maklumkan perkara ini kepada Pejabat PEGUAM NEGARA dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)," katanya yang yakin pindaan Perlembagaan bagi perkara berkenaan dapat diluluskan pada sidang Parlimen kali ini.

Syed Saddiq membentangkan RUU Perlembagaan (Pindaan) 2019 bagi bacaan kali pertama di Dewan Rakyat yang bersidang sejak 1 Julai lalu, manakala bacaan kali kedua dijangka dibentangkan sebelum persidangan kali ini berakhir 18 Julai ini.

Usul pindaan Perkara 119 (1) Perlembagaan itu bagi menurun-



**Dr Mahathir pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Presiden PH di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, semalam**

[Foto BERNAMA]

kan had umur layak mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Ia sebahagian daripada janji dalam manifesto PH dan diper-setujui sebulat suara oleh Kabinet pada September tahun lalu.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan bersetuju perkataan 'mandatori' digugurkan bagi hukuman untuk kes penyalahgunaan dadah, namun hakim boleh membuat pilihan, sama ada mahu menjatuhkan hukuman mati atau penjara sehingga 10 tahun.

"Kita hapuskan perkataan mandatori, kitakekalkan bahawa hakim boleh buat pilihan, sama ada nak kenakan hukum mati atau penjara, tapi tidak boleh kurang (penjara) dari 10 tahun," katanya sambil menambah, hukuman ber-

at tetap perlu kerana jenayah dadah perkara serius.

Mengenai isu kuarters polis uzur, beliau berkata, Kementerian Kewangan akan memperuntukkan sejumlah peruntukan bagi membaik pulih penginapan berkenaan, malah kerajaan juga berpendapat kebijakan untuk anggota polis tidak mencapai tahap yang baik.

Perdana Menteri juga menjelaskan, kerajaan akan mengkaji pembabitan penjawat awam dalam politik.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata, beliau bersetuju mengadakan sesi khas Soal Jawab Perdana Menteri (PMQ) di Parlimen pada setiap Rabu yang membolehkan Ahli Parlimen menge-

mukakan soalan untuk dijawab secara terus di Dewan Rakyat.

"Bukan salah saya bila tak pergi Parlimen (sebelum ini) sebab tak ada soalan untuk saya. Selepas ini, kalau tak ada soalan pun, saya kena pergi (sesi PMQ)," katanya.

Sebelum ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong dilaporkan berkata, tiada keperluan untuk kerajaan mengadakan sesi khas PMQ di Parlimen kerana sudah ada sesi Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) pada setiap Selasa dan Khamis.

Selain itu, Vui Keong dipetik berkata, sejak setahun lalu, Perdana Menteri akan datang ke Parlimen untuk menjawab soalan ketika sesi MQT serta pada sesi soal jawab biasa.